

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI KESELAMATAN**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN
PERTAHANAN AWAM

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESSIONAL

Gred	Jadual Minimum-Maksimum		
Gred KP41	: RM1911.59	-	RM6800.87
Gred KP44	: RM3366.06	-	RM7117.82
Gred KP48	: RM4916.44	-	RM8222.98
Gred KP52	: RM5532.82	-	RM8957.09
Gred KP54	: RM5834.72	-	RM9567.62

- SYARAT LANTIKAN** 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41 : RM1911.59); atau
 - (ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41 : RM2116.00); atau
 - (iii) bekas Penolong penguasa Polis Diraja Malaysia atau Kapten Angkatan Tentera Malaysia atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik;

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41 : RM1911.59); atau
 - (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- (iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);
- (iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata; dan
- (v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat.

dan (e) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Keselamatan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Keselamatan Gred KP41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas Gred KP41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Pegawai Keselamatan Gred KP41 yang adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Pegawai Keselamatan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM
TRANSFORMASI MINDA/
PEPERIKSAAN**

6. Pegawai Keselamatan Gred KP41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Pegawai Keselamatan Gred KP41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;

- (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN** 8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN** 9. Pegawai Keselamatan hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED KP44** 10. Pegawai Keselamatan Gred KP41 adalah layak dipertimbang bagi jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Keselamatan Gred KP44 yang kosong apabila telah :-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED KP48** 11. Pegawai Keselamatan Gred KP44 adalah layak dipertimbang bagi jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Keselamatan Gred KP48 yang kosong apabila telah :-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED KP52** 12. Pegawai Keselamatan Gred KP48 adalah layak dipertimbang bagi jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Keselamatan Gred KP52 yang kosong apabila telah :-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED KP54** 13. Pegawai Keselamatan Gred KP52 adalah layak dipertimbang bagi jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Keselamatan Gred KP54 yang kosong apabila telah :-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan